

Selamat tinggal Seri Merantau

Sinar Harian 11/7/2018 m/s 36

Suasana pilu iringi kepulangan penyu betina ke habitatnya di laut.

NURUL ZAILA
MOHD TAHIR

DUNGUN



Petugas FRI terpaksa mengangkat penyu betina itu ke gigi air bagi memudahkannya bergerak pergi meninggalkan daratan.



Seri Merantau yang dirawat selama enam bulan di FRI Rantau Abang.

Suasana pilu mengiringi kepulangan Seri Merantau ke laut selepas enam bulan dirawat di Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang.

Lebih hiba apabila penyu betina berusia 40 tahun itu seolah-olah enggan pulang ke habitatnya dan tidak mahu berganjak walaupun dilepaskan.

Berikutan itu, petugas FRI terpaksa menolak penyu tersebut sehingga ke gigi air bagi memudahkan prosesnya untuk berenang.

Usaha tersebut membuah hasil apabila penyu agar atau dari spesies Chelonia

Mydas itu berjaya dilepaskan kira-kira jam 6 petang di perairan Pantai Kuala Abang, kelmarin.

Enam bulan lalu, Seri Merantau ditemui tercedera dan terdampar di Merantau Inn, Kuala Abang sebelum diselamatkan dan dibawa ke pusat rawatan itu.

Ketua Cawangan Mamalia Marin, Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata,

selepas menjalani rawatan dengan pelbagai kaedah, penyu betina itu pulih sepenuhnya.

"Seri merantau adalah salah seekor penyu yang dirawat di sini dan diyakini sudah sembuh sepenuhnya.

"Buat masa sekarang terdapat tujuh lagi penyu yang tercedera sedang dirawat di FRI Rantau Abang yang sinonim sebagai 'Hospital

Penyu'.

"Lima daripadanya adalah penyu berusia dua hingga tiga tahun, manakala dua ekor berusia 40an dan sudah bertelur," katanya.

Sementara itu, mengulas survival Seri Merantau di laut, beliau berkata, pelbagai cabaran bakal ditempuh penyu tersebut dan penyu lain bagi meneruskan hidup.

Beliau tidak menolak,

ancaman tersebut termasuklah daripada manusia khususnya nelayan.

"Dari segi kesihatan, penyu betina ini sudah sembuh tetapi cabaran di laut pula agak mencabar termasuk ancaman nelayan pukat tunda dan pelbagai lagi," katanya.

Beliau turut memberitahu, FRI akan terus berperanan 'merawat' khazanah



Penyu itu ditemui terdampar di Merantau Inn enam bulan lalu

alam yang semakin pupus, pada masa sama melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat